

01 AUG 1997

PAKISTAN MAHU TERUS BELI MINYAK SAWIT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Pakistan mahu terus membeli minyak sawit Malaysia melalui perjanjian pembayaran kredit minyak sawit.

Pakistan adalah satu-satunya negara yang banyak membeli minyak sawit Malaysia, katanya selepas mengunjungi Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif di sebuah hotel di sini.

Pembelian minyak sawit itu adalah beberapa perkara yang dibincangkan dalam pertemuan dengan Nawaz, katanya kepada pemberita.

Tahun lerpas, Pakistan mengimport 1.16 juta tan metrik minyak sawit dari Malaysia atau 84.9 peratus daripada jumlah eksport Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa melakukan lawatan ke Pakistan April lepas berkata beberapa negara, termasuk Pakistan, telah meminta bantuan Malaysia membekalkan benih kelapa sawit bagi tujuan penanaman kelapa sawit di negara mereka.

Bagaimanapun Mahathir berkata tuaian kelapa sawit yang tertinggi adalah daripada kawasan dalam lingkungan lima darjah dari Khatulistiwa.

Anwar berkata perkara lain yang turut dibincangkan dengan Nawaz ialah kerjasama menggalakkan syarikat tempatan melabur dan menyertai projek penswastaan di Pakistan.

Perkara lain ialah peluang mendapatkan tenaga kepakaran seperti jurutera dan doktor daripada Pakistan dan pelaksanaan projek rumah kos rendah di Pakistan seperti yang dilakukan oleh syarikat Malaysia di Afrika Selatan dan Mauritius.

Nawaz yang melakukan lawatan empat hari ke negara ini turut mengunjungi Dr Mahathir pagi tadi dan mengadakan perbincangan dua hala. Beliau akan pulang Ahad ini.

Perdana Menteri Pakistan itu mengetuai rombongan 15 orang terdiri daripada menteri dan ahli perniagaan mewakili pelbagai sektor ekonomi Pakistan. -- BERNAMA

ARA SIA